

DOI: [10.51377/azjaf.vol7no2.276](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol7no2.276)**ZAKAT ON CRUDE PALM OIL FUTURES (FCPO): A STUDY ON
THE FIQHI CHARACTERIZATION (*TAKYIF FIQHI*) AND
PROPOSED CALCULATION METHODS****ZAKAT CRUDE PALM OIL FUTURES (FCPO): KAJIAN HUKUM
TAKYIF FIQHI DAN CADANGAN KAEDAH KIRAAN**

MUHAMMAD RIDHWAN AB. AZIZ

(Corresponding Author)

Universiti Sains Islam Malaysia. Email: ridhwan.aziz@usim.edu.my

MOHD. NAZRI MOHD. NOOR

Universiti Sains Islam Malaysia. Email: nazrimn@usim.edu.my

MOHD HAFIZ MOHD DASAR

Universiti Teknologi Malaysia. Email: mohdhafiz.md@utm.my

NADHIRAH SOLEHAH BINTI KHAIRI

Universiti Sains Islam Malaysia. Email: nardkhairi@gmail.com**A PEER-REVIEWED ARTICLE****(RECEIVED – 19TH MAY 2026; REVISED – 11TH SEPT. 2026; ACCEPTED – 18TH SEPT. 2026)****ABSTRACT**

Oil palm is an agricultural product that generates substantial profits, necessitating deeper understanding and research regarding zakat on this modern Islamic financial product for the benefit of Muslims. This study aims to analyze zakat on Crude Palm Oil Futures (FCPO) instruments, emphasizing the Islamic jurisprudential basis (*takyif fiqhi*) and proposing practical zakat calculation methods. The development of derivative instruments has created new forms of wealth that differ from the traditional zakat framework, thus requiring a reassessment from both a ruling and applied perspective. This study employs a qualitative methodology through library research, interviews with FCPO traders, Bursa Malaysia representatives, and Shariah experts, alongside an analysis of actual transaction documents. The findings indicate differing views in characterizing (*takyif*) FCPO, whether it is classified as a financial right or a representation of an actual commodity, which directly impacts the basis for zakat

calculation. Furthermore, actual trading practices focus more on the cumulative portfolio value rather than individual transactions. Based on these findings, this study proposes a zakat calculation method based on the evaluation of the portfolio value at the end of the haul (Islamic fiscal year), taking into account profits and the deduction of transaction costs. This approach is more practical and aligns with current market realities. The study also suggests a need to standardize zakat calculation methods for modern financial instruments.

Keywords: zakat; FCPO; *takyif fiqhi*; zakat calculation methods; Islamic finance.

ABSTRAK

Kelapa sawit merupakan salah satu jenis hasil pertanian yang menghasilkan keuntungan dalam jumlah yang besar yang memerlukan pemahaman dan kajian bagi zakat ke atas produk kewangan Islam yang moden ini demi manfaat umat Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis zakat ke atas instrumen Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah atau Crude Palm Oil Futures (FCPO) dengan memberi penekanan kepada aspek sandaran fiqh (*takyif fiqhi*) serta cadangan kaedah pengiraan zakat yang praktikal. Perkembangan instrumen derivatif telah mewujudkan bentuk harta baharu yang berbeza daripada kerangka zakat tradisional, sekali gus memerlukan penilaian semula dari sudut hukum dan aplikasi. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kajian kepustakaan, temu bual bersama pedagang (*trader*) FCPO, pihak Bursa Malaysia, pakar Syariah serta analisis dokumen transaksi sebenar. Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan dalam mentakyifkan FCPO sama ada sebagai hak kewangan atau representasi komoditi sebenar, yang memberi kesan langsung kepada asas pengiraan zakat. Selain itu, amalan dagangan sebenar lebih tertumpu kepada nilai portfolio secara kumulatif berbanding transaksi individu. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mencadangkan kaedah pengiraan zakat berasaskan penilaian nilai portfolio pada akhir haul dengan mengambil kira keuntungan serta penolakan kos transaksi. Pendekatan ini lebih praktikal dan selari dengan realiti pasaran semasa. Kajian ini turut mencadangkan keperluan standardisasi kaedah pengiraan zakat bagi instrumen kewangan moden.

Kata Kunci: zakat; FCPO; *takyif fiqhi*; kaedah pengiraan zakat; kewangan Islam

PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu instrumen utama dalam sistem ekonomi Islam yang berperanan bukan sahaja sebagai ibadah, tetapi juga sebagai mekanisme

pengagihan kekayaan dan keadilan sosial. Dalam konteks harta yang berkembang, zakat dikenakan ke atas pelbagai bentuk kekayaan termasuk hasil perniagaan, sebagaimana difahami daripada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:267) serta dihuraikan oleh ulama seperti Imam al-Jassas dan Imam al-Razi yang menegaskan kewajipan zakat ke atas hasil usaha manusia.

Dalam perkembangan ekonomi moden, konsep harta yang dikenakan zakat semakin berkembang melangkaui bentuk tradisional kepada instrumen kewangan kontemporari. Hal ini termasuklah kontrak derivatif seperti Crude Palm Oil Futures (FCPO) yang didagangkan secara aktif di Bursa Malaysia. FCPO memainkan peranan penting sebagai penanda aras harga minyak sawit mentah global serta menjadi instrumen utama dalam aktiviti lindung nilai dan spekulasi dalam pasaran komoditi. Namun demikian, sifatnya sebagai kontrak niaga hadapan yang melibatkan perdagangan hak dan obligasi, serta bukan pemilikan fizikal aset secara langsung, menimbulkan persoalan fiqh yang kompleks, khususnya dalam menentukan kewajipan zakat.

Perbahasan ini menjadi lebih signifikan apabila dikaitkan dengan asas komoditi yang mendasari FCPO, iaitu minyak sawit mentah yang berasal daripada hasil pertanian. Dalam perbahasan fiqh klasik, zakat pertanian dikenakan ke atas hasil tanaman tertentu dengan syarat-syarat yang khusus, seperti yang dihuraikan oleh fuqaha berkaitan jenis tanaman, nisab dan kadar zakat. Walau bagaimanapun, perbezaan pandangan mazhab dalam menentukan skop tanaman yang wajib dizakatkan sama ada terhad kepada makanan ruji seperti pandangan Mazhab al-Syafi'i, atau diperluaskan kepada semua hasil bumi yang bernilai seperti pandangan Mazhab Hanafi menunjukkan bahawa isu zakat ke atas hasil komersial seperti kelapa sawit masih terbuka kepada ijtihad (Ag Said et al., 2023).

Dalam konteks semasa, pendekatan tradisional yang mengehadkan zakat pertanian kepada tanaman makanan ruji dilihat kurang mencerminkan realiti ekonomi moden. Kajian oleh Alimuddin & Desky (2018), menunjukkan bahawa pendekatan yang terlalu literal terhadap Mazhab al-Syafi'i boleh menjejaskan keadilan sosial, khususnya apabila tanaman komersial berskala besar seperti kelapa sawit tidak dikenakan zakat, sedangkan ia menjana keuntungan yang signifikan. Oleh itu, pendekatan berasaskan Maqasid al-Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), menuntut agar sumber kekayaan moden dinilai semula dalam kerangka zakat yang lebih inklusif.

Selain isu mengenalpasti takyif fiqh terhadap aset pendasar, cabaran utama dalam zakat FCPO juga terletak pada penentuan kaedah pengiraan yang sesuai. Ketidakeragaman dalam penetapan nisab, sama ada berdasarkan sukatan

tradisional atau nilai semasa emas dan perak, serta perbezaan pandangan mengenai penolakan kos operasi, menunjukkan bahawa belum wujud satu pendekatan yang standard dalam menentukan zakat bagi instrumen moden (Abdullah et al., 2015; Ali & Abdullah, 2013). Keadaan ini menjadi lebih kompleks dalam konteks FCPO yang melibatkan transaksi berulang, penggunaan margin, serta keuntungan yang bersifat dinamik dan tidak tetap.

Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan zakat pertanian dan zakat perniagaan, kebanyakan kajian tersebut membincangkan kedua-dua bidang ini secara berasingan tanpa mengintegrasikannya dalam konteks instrumen derivatif seperti FCPO. Selain itu, kajian sedia ada juga kurang memberi perhatian kepada aspek takyif fiqhi sebagai asas dalam menentukan kaedah pengiraan zakat, sedangkan penentuan hukum ini merupakan elemen kritikal dalam memastikan kesahihan dan ketepatan pengiraan zakat.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis takyif fiqhi bagi instrumen FCPO serta menilai implikasinya terhadap kewajipan zakat. Kajian ini juga berusaha untuk mencadangkan satu kaedah pengiraan zakat yang lebih praktikal dan selari dengan prinsip Syariah serta realiti pasaran semasa, melalui integrasi antara analisis literatur dan data empirikal daripada temu bual serta dokumen transaksi sebenar. Pendekatan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan kerangka zakat yang lebih komprehensif bagi instrumen kewangan moden.

KAJIAN LITERATUR

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Kewajipannya ditegaskan secara jelas dalam al-Quran, antaranya melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah (9:103) yang menunjukkan fungsi zakat sebagai instrumen penyucian harta dan jiwa.

Dalam perkembangan semasa, zakat perniagaan dilihat mempunyai potensi yang signifikan dalam menyumbang kepada kutipan zakat negara. Kajian oleh Abdullah et al. (2015) dan Abdul Wahab & Borhan (2016) menunjukkan bahawa terdapat jurang yang besar antara potensi dan kutipan sebenar zakat perniagaan di Malaysia. Walaupun potensi kutipan mencecah ratusan juta ringgit, tahap pematuhan masih rendah disebabkan faktor kesedaran, kekeliruan hukum, serta isu pentadbiran (Faezy Adenan et al., 2017; Mohamad Zaki et al., 2014). Keadaan ini menunjukkan bahawa peluasan skop zakat kepada bentuk harta moden adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan sistem zakat.

Dalam konteks hasil pertanian, zakat telah disyariatkan sejak zaman Rasulullah SAW dan dikenakan ke atas hasil yang dikeluarkan dari bumi. Fuqaha bersepakat bahawa tanaman tertentu seperti gandum, kurma, dan anggur kering wajib dizakatkan, namun berlaku perbezaan pandangan mengenai skop tanaman lain. Mazhab al-Syafi'i dan Maliki menghadkan zakat kepada tanaman makanan ruji yang mengenyangkan dan boleh disimpan, manakala Mazhab Hanafi memperluaskan kewajipan zakat kepada semua hasil tanaman yang mempunyai nilai ekonomi (Ag Said et al., 2023; Ab Rahman et al., 2019). Perbezaan ini memberi implikasi penting terhadap kedudukan tanaman komersial seperti kelapa sawit, yang tidak diklasifikasikan sebagai makanan ruji tetapi mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

Sehubungan itu, beberapa sarjana kontemporari seperti Hanapi (2014), mencadangkan agar hasil tanaman komersial diklasifikasikan bawah zakat perniagaan sekiranya ia diusahakan secara berterusan dan bertujuan menjana keuntungan. Pendekatan ini lebih selari dengan realiti ekonomi moden, khususnya dalam industri kelapa sawit yang menjadi salah satu komoditi utama di Malaysia. Pandangan ini turut disokong oleh Ali & Abdullah (2013), yang menekankan keperluan untuk menyesuaikan prinsip zakat dengan nilai ekonomi semasa bagi memastikan keadilan sosial dapat dicapai.

Dalam konteks kontrak niaga hadapan seperti FCPO, perbincangan menjadi lebih kompleks kerana ia melibatkan gabungan antara aset fizikal dan instrumen kewangan. Kajian oleh Kamali (2005) menjelaskan bahawa kontrak niaga hadapan boleh diterima dalam kerangka fiqh sekiranya memenuhi syarat pemilikan (*qabd*) secara undang-undang, seperti melalui sistem penjelasan (*clearinghouse*). Pendekatan ini membolehkan kontrak tersebut dianggap sebagai aset yang sah dan bernilai (*māl mutaqaawwim*), walaupun tanpa penghantaran fizikal.

Dari sudut metodologi pengiraan zakat, para sarjana turut membahaskan isu penentuan nisab dan asas pengiraan. Dalam konteks harta moden yang dinilai dalam bentuk mata wang, penggunaan nilai emas (85 gram) atau perak (595 gram) sebagai penanda aras nisab dilihat lebih praktikal (Ag Said et al., 2023). Selain itu, ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi (1973), menegaskan bahawa kos operasi boleh ditolak sebelum pengiraan zakat dibuat, selaras dengan prinsip keadilan dan rukhsah dalam Syariah. Pendekatan ini amat relevan dalam konteks FCPO yang melibatkan kos transaksi seperti yuran broker dan margin dagangan.

Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan bahawa masih belum adanya kesepakatan yang jelas mengenai kaedah pengiraan zakat bagi instrumen

derivatif seperti FCPO. Kebanyakan kajian tertumpu kepada zakat pertanian atau zakat perniagaan secara umum, tanpa mengintegrasikan kedua-dua dimensi ini dalam konteks kontrak niaga hadapan. Selain itu, isu takyif fiqhi terhadap FCPO serta implikasinya terhadap asas pengiraan zakat masih kurang dibincangkan secara empirikal, khususnya dengan mengambil kira data sebenar daripada pengamal industri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian yang memfokuskan kepada penentuan hukum melalui takyif fiqhi serta cadangan kaedah pengiraan zakat terhadap aktiviti perdagangan Crude Palm Oil Futures (FCPO). Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti isu-isu fiqh kontemporari yang memerlukan analisis mendalam terhadap sumber hukum, pandangan sarjana, serta realiti amalan semasa dalam pasaran.

Secara umumnya, kajian ini mengaplikasikan tiga kaedah utama dalam pengumpulan data, iaitu kajian berasaskan kajian perpustakaan bagi memperoleh data sekunder, temu bual bagi mendapatkan data primer, serta analisis dokumen transaksi sebenar bagi tujuan simulasi pengiraan zakat.

Bagi data sekunder, kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang melibatkan penelitian terhadap sumber-sumber bertulis seperti artikel jurnal akademik, laporan zakat dan sebagainya. Terdapat beberapa bahan literatur telah dikenal pasti dan dianalisis secara kritikal bagi memahami konsep takyif fiqhi serta aplikasinya terhadap instrumen kewangan moden seperti FCPO. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti kategori fiqh yang paling tepat dalam mengklasifikasikan aktiviti FCPO, seterusnya menentukan implikasi hukum terhadap kewajipan zakat.

Bagi data primer pula, kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang dijalankan ke atas tiga kumpulan responden utama. Kumpulan pertama adalah pedagang (*trader*) FCPO. Seramai tiga orang *trader* aktif yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Temu bual bersama *trader* yang aktif dalam perdagangan FCPO adalah penting bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan mekanisme dagangan, strategi pelaburan, serta bentuk keuntungan dan kerugian yang dialami. Responden *trader* yang terdiri daripada T1, T2 dan T3 merupakan remisier syarikat swasta utama dalam negara yang menjalankan transaksi FCPO. Temu bual kedua pula adalah dengan penyedia platform dagangan iaitu Bursa Malaysia. Temu bual dengan pihak Bursa Malaysia adalah penting bagi memahami secara lebih mendalam struktur operasi, spesifikasi kontrak, serta peraturan yang mengawal selia perdagangan FCPO. Kumpulan

responden ketiga pula terdiri daripada pakar-pakar Syariah kewangan Islam semasa. Seramai 2 orang pakar Syariah telah ditemu bual bagi mendapatkan pandangan autoritatif berkaitan isu-isu fiqh, khususnya dalam aspek takyif fiqh dan implikasi hukum zakat terhadap instrumen tersebut. Pakar Syariah S1 merupakan seorang Profesor dalam bidang Syariah dan kewangan Islam di sebuah IPTA manakala S2 merupakan Ketua Jabatan Syariah di sebuah institusi kewangan Islam di luar negara. Data temu bual ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, pandangan, dan justifikasi yang relevan dengan objektif kajian.

Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis dokumen transaksi sebenar yang diperoleh daripada pihak *trader* FCPO. Dokumen ini merangkumi penyata dagangan yang mengandungi maklumat terperinci berkaitan posisi kontrak, keuntungan dan kerugian, serta tempoh pegangan. Data ini digunakan bagi membina simulasi kaedah pengiraan zakat yang lebih praktikal dan berasaskan realiti pasaran. Melalui pendekatan ini, cadangan kaedah pengiraan zakat yang dikemukakan bukan sahaja bersifat teoritikal, tetapi juga aplikatif dan sesuai dilaksanakan oleh pengamal industri.

Kesemua data yang diperoleh, sama ada daripada sumber sekunder mahupun primer, dianalisis secara induktif dan deduktif. Pendekatan induktif digunakan bagi merumuskan dapatan daripada data empirikal seperti temu bual dan dokumen transaksi, manakala pendekatan deduktif diaplikasikan dalam menilai kesesuaian dapatan tersebut dengan prinsip-prinsip fiqh dan kerangka hukum Islam yang sedia ada. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan kajian ini menghasilkan satu penilaian yang komprehensif terhadap takyif fiqh FCPO serta mencadangkan kaedah pengiraan zakat yang bertepatan dengan kehendak Syariah dan realiti semasa.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Operasi dan Mekanisme Perdagangan FCPO

T1
Berdasarkan temu bual bersama <i>Trader 1</i> , FCPO difahami sebagai instrumen niaga hadapan yang berfungsi sebagai penanda aras harga global bagi komoditi minyak sawit mentah. Struktur kontrak yang ditawarkan adalah berasaskan bulan tertentu dengan tarikh luput yang tetap, iaitu pada 15 haribulan setiap bulan. Dari sudut operasi, dagangan berlaku dalam beberapa sesi harian dengan pergerakan harga yang berterusan sehingga kontrak mencapai tempoh matang. Konsep kontrak ini turut dianalogikan sebagai suatu bentuk representasi aset yang

mempunyai tempoh sah tertentu, sekali gus menekankan sifatnya sebagai instrumen derivatif berasaskan masa.

T2

Dapatan daripada *Trader 2* menunjukkan bahawa aktiviti perdagangan FCPO dalam kalangan pelabur runcit lebih tertumpu kepada transaksi kontrak berbanding pemilikan komoditi secara fizikal. Struktur kontrak yang fleksibel sehingga 36 bulan ke hadapan memberikan ruang kepada pelabur untuk memilih tempoh yang sesuai berdasarkan strategi masing-masing. Walau bagaimanapun, faktor risiko memainkan peranan penting dalam pemilihan kontrak, bila mana kontrak yang hampir kepada tarikh luput biasanya dielakkan oleh pelabur runcit. Sebaliknya, kontrak yang mempunyai kecairan tinggi, khususnya kontrak bulan ke-3, menjadi pilihan utama kerana memudahkan urusan jual beli serta mengurangkan risiko ketidakpastian pasaran.

T3

Menurut *Trader 3*, FCPO merupakan instrumen derivatif yang beroperasi melalui mekanisme kontrak antara dua pihak yang bersetuju untuk melaksanakan transaksi pada masa hadapan. Instrumen ini mempunyai fleksibiliti dari sudut penyelesaian, sama ada melalui penghantaran fizikal komoditi atau penyelesaian secara tunai. Dari perspektif operasi pasaran, FCPO berfungsi dalam persekitaran dua hala yang membolehkan pelabur mengambil posisi beli (*long*) atau jual (*short*) berdasarkan jangkaan pergerakan harga. Selain itu, wujud perbezaan ketara antara pelabur runcit dan institusi, bila mana pelabur runcit cenderung kepada penyelesaian tunai, manakala institusi lebih terlibat dalam aktiviti lindung nilai serta penghantaran fizikal. Aktiviti dagangan juga dipengaruhi oleh indikator pasaran seperti jumlah transaksi dan *open interest*, yang mencerminkan tahap kecairan dan minat pasaran terhadap sesuatu kontrak.

B1

Menurut *Bursa Malaysia*, FCPO berfungsi untuk dua tujuan utama iaitu sebagai instrumen dagangan (*trading instrument*) dan instrumen penyerahan fizikal CPO (*physical delivery mechanism*). Struktur asas dagangan FCPO melibatkan seorang penjual (*seller*) dan seorang pembeli (*buyer*). Dalam pada itu, Bursa tidak berurusan secara langsung dengan pembeli atau penjual. Semua transaksi mesti dilakukan melalui broker, yang dipanggil *Trading Participant*. Broker berfungsi sepertimana dalam perdagangan saham, pelabur perlu membuka akaun sebelum boleh berdagang. Proses Penyelesaian Dagangan (*Trade Clearing*) berlaku bila mana

Bursa bertindak menghubungkan sistem dagangan kepada broker dan semua dagangan yang dihantar melalui broker akan *diclear* oleh Bursa.

Analisis *Takyif Fiqhi* Bagi FCPO

S1

Berdasarkan pandangan pakar Syariah 1, *takyif fiqhi* bagi FCPO menunjukkan kecenderungan untuk mengklasifikasikan instrumen ini sebagai bentuk harta moden yang berasaskan hak (*financial right*) yang mempunyai nilai ekonomi. Pendekatan ini membolehkan FCPO diletakkan bawah kategori barang dagangan, sekali gus membuka ruang kepada kewajipan zakat. Walau bagaimanapun, keharusan tersebut tidak bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada pematuhan terhadap prinsip asas muamalat, khususnya berkaitan isu pemilikan. Amalan seperti *short selling* dilihat menimbulkan konflik dengan larangan *bay' al-ma'dum*, yang menjadi antara hujah utama bagi pandangan yang tidak membenarkan. Oleh itu, penentuan hukum FCPO memerlukan pertimbangan yang teliti antara konsep pemilikan moden dan prinsip fiqh klasik. Menurut pakar Syariah 1 juga, walaupun FCPO berasaskan komoditi sebenar iaitu minyak sawit mentah, hakikat transaksi melibatkan perdagangan kontrak derivatif yang mewakili hak terhadap aset tersebut pada masa hadapan. Justeru, *takyif fiqhi* yang lebih tepat ialah menganggap FCPO sebagai *haqq* (hak) dan bukan pemilikan fizikal secara langsung. Perbezaan pandangan mazhab mengenai status hak sebagai harta diiktiraf oleh jumhur tetapi ditolak oleh mazhab Hanafi menjadikan penentuan status “aset nyata” bagi FCPO tidak bersifat muktamad. Perbezaan ini memberi implikasi penting terhadap asas penilaian zakat, khususnya dalam menentukan sama ada kontrak tersebut memenuhi kriteria harta yang wajib dizakatkan.

S2

Menurut pakar Syariah 2, *takyif fiqhi* FCPO lebih berasaskan pendekatan prinsip umum dalam zakat, iaitu kewajipan ke atas harta yang berkembang (*al-māl al-nāmi*). Dalam konteks ini, FCPO dilihat sebagai instrumen yang menjana pertambahan nilai melalui aktiviti perdagangan, justeru memenuhi ciri asas harta yang wajib dizakatkan tanpa perlu terlalu terikat kepada bentuk fizikal aset tersebut. Pendekatan ini menekankan fungsi ekonomi dan potensi pertumbuhan harta sebagai asas penentuan hukum, sekali gus menyokong pengenaan zakat ke atas keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti FCPO. Berbeza dengan pandangan sebelumnya, pakar Syariah 2 menegaskan bahawa FCPO boleh

dianggap sebagai aset nyata kerana ia mempunyai *underlying asset* yang benar-benar wujud, iaitu minyak sawit mentah. Walaupun majoriti transaksi diselesaikan secara tunai, kewujudan mekanisme penghantaran fizikal menunjukkan bahawa kontrak tersebut tidak terpisah daripada aset sebenar. Tambahan pula, keupayaan *trader* untuk mengawal posisi serta fleksibiliti dalam transaksi mencerminkan elemen pemilikan yang signifikan, yang ditafsirkan sebagai *milk tam*. Oleh itu, FCPO dilihat memenuhi ciri pemilikan yang mencukupi untuk menyokong keharusannya dari sudut Syariah. Perbincangan lanjut juga menunjukkan bahawa walaupun isu margin dan bentuk pemilikan dipersoalkan, kebolehlaksanaan penghantaran fizikal menjadi hujah utama dalam mengukuhkan statusnya sebagai aset yang sah.

Implikasi *Takyif Fiqhi* Terhadap Kewajipan Zakat

S1

Menurut pakar Syariah 1, zakat ke atas FCPO perlu dinilai berdasarkan keseluruhan nilai harta dagangan pada waktu pengiraan zakat. Pendekatan ini menekankan prinsip penilaian semasa (*mark-to-market*), bila mana semua posisi, sama ada telah direalisasikan atau masih dipegang, diambil kira sebagai sebahagian daripada asas zakat. Dengan itu, zakat tidak terhad kepada keuntungan semata-mata, tetapi merangkumi nilai keseluruhan aset dagangan yang mencerminkan kedudukan kewangan sebenar pada akhir haul. Pendekatan ini selari dengan kaedah zakat perniagaan yang menilai harta berdasarkan nilai semasa bagi memastikan ketepatan dan keadilan dalam pengiraan.

S2

Berbeza dengan pendekatan sebelumnya, pakar Syariah 2 berpandangan bahawa zakat FCPO wajar dikenakan ke atas keuntungan bersih setelah ditolak kos transaksi. Pendekatan ini menekankan keperluan untuk mengambil kira perbelanjaan yang terlibat dalam aktiviti dagangan, seperti yuran brokeraj dan kos operasi, sebelum menentukan jumlah zakat yang perlu dibayar. Dari sudut fiqh, pendekatan ini mencerminkan prinsip keadilan dan keseimbangan dengan memastikan bahawa zakat hanya dikenakan ke atas nilai sebenar yang diperolehi oleh pelabur. Oleh itu, kaedah ini dilihat lebih praktikal dalam konteks perdagangan aktif yang melibatkan kos berulang dan dinamik pasaran yang kompleks.

Cadangan Kaedah Pengiraan Zakat FCPO

S1

Menurut pakar Syariah 1, kaedah kiraan zakat FCPO yang paling tepat ialah dengan mengambil kira nilai semasa pegangan dagangan dan menggabungkannya bersama aset kewangan lain seperti simpanan tunai dan aset perniagaan. Pendekatan ini berasaskan konsep '*uriq al-tijarah*', bila mana semua harta yang berkembang dinilai secara agregat pada akhir haul. Justeru, FCPO tidak dilihat secara terasing, tetapi sebagai sebahagian daripada keseluruhan portfolio kekayaan yang tertakluk kepada zakat. Kaedah ini menekankan kepentingan penyatuan harta bagi mencerminkan kedudukan kewangan sebenar pembayar zakat.

S2

Pakar Syariah 2 mengemukakan pendekatan yang lebih praktikal dan bersifat operasi, sejajar dengan realiti dagangan FCPO yang berintensiti tinggi dan dinamik. Kaedah kiraan zakat dicadangkan berasaskan nilai keseluruhan portfolio pada hujung haul, tanpa perlu menilai setiap transaksi secara individu. Secara prinsip, jumlah zakat ditentukan dengan mengambil kira modal dan keuntungan yang telah terkumpul, ditolak kos transaksi, sebelum dikenakan kadar 2.5%. Pendekatan kumulatif ini dilihat lebih sesuai memandangkan corak tingkah laku *trader* yang lazimnya melabur semula keuntungan secara berterusan (*compounding*), menyebabkan nilai dana sentiasa berubah. Oleh itu, penilaian pada satu titik masa (akhir haul) memberikan kaedah yang lebih efisien, praktikal dan selari dengan amalan pasaran sebenar. Menurut beliau kaedah kiraan zakat yang paling sesuai untuk pelabur runcit adalah:

Modal (*principal*) + keuntungan (*profit*) - kos transaksi x zakat 2.5%

KESIMPULAN

Kajian ini mengemukakan satu analisis menyeluruh terhadap isu zakat FCPO dengan menumpukan kepada hubungan antara penentuan hukum (*takyif fiqh*) dan implikasinya terhadap kaedah pengiraan zakat. Berdasarkan dapatan kajian, jelas bahawa cabaran utama bukan sekadar menentukan kewajipan zakat, tetapi bagaimana mentafsir sifat sebenar instrumen tersebut dalam kerangka fiqh yang sesuai dengan realiti pasaran moden. Perbezaan pandangan yang wujud, khususnya berkaitan status pemilikan dan bentuk aset, menunjukkan bahawa FCPO tidak boleh dinilai secara simplistik menggunakan analogi tunggal daripada kategori zakat tradisional.

Kajian ini juga menegaskan bahawa pendekatan pengiraan zakat yang berasaskan transaksi individu adalah kurang praktikal dalam konteks perdagangan aktif seperti FCPO. Sebaliknya, pendekatan yang menilai kedudukan kewangan secara menyeluruh pada akhir tempoh haul adalah lebih relevan, memandangkan sifat perdagangan yang melibatkan pusing ganti modal dan keuntungan secara berterusan. Dalam hal ini, pengiktirafan terhadap kos transaksi sebagai elemen yang boleh ditolak turut memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan kepada pembayar zakat.

Dari sudut implikasi, kajian ini mencadangkan keperluan kepada pembangunan garis panduan khusus oleh pihak berautoriti zakat dan institusi kewangan Islam bagi menangani instrumen derivatif secara lebih sistematik. Standardisasi kaedah pengiraan bukan sahaja dapat mengurangkan kekeliruan dalam kalangan pelabur, tetapi juga berpotensi meningkatkan tahap pematuhan zakat dalam sektor ini. Selain itu, integrasi data sebenar daripada akaun dagangan dalam penilaian zakat membuka ruang kepada pendekatan yang lebih telus dan berasaskan bukti.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan zakat dalam konteks kewangan Islam moden memerlukan pendekatan yang dinamik dan kontekstual. Keupayaan untuk menggabungkan prinsip fiqh dengan realiti operasi pasaran merupakan kunci utama dalam memastikan zakat terus relevan sebagai instrumen ekonomi Islam yang efektif. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk memperluaskan analisis kepada sampel data yang lebih besar serta mengkaji potensi automasi pengiraan zakat dalam sistem perdagangan bagi meningkatkan kecekapan dan pematuhan.

PENGHARGAAN

Kajian ini memperolehi penajaan daripada Akademi Zakat (AZKA-PPZ), Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2019). Agricultural zakat from the Islamic perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 1–11.
- Abdul Wahab, A., & Borhan, J. T. (2016). Potensi kutipan zakat perniagaan syarikat tersenarai awam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 24(2), 207–236.
- Ag Said, D. N., Ibrahim, R. I., Ab Rahman, A., & Hamdan, H. (2023). Agricultural nisab measurement for zakat assessment. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 5(1).
- Ali, N. A., & Abdullah, L. (2013). Isu-isu fiqh semasa berkaitan zakat pertanian di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 21(3), 231–258.

- Alimuddin, & Desky, H. (2018). Zakat tanaman menurut ulama Dayah Aceh perspektif maqāsid al-syarī ah. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 12(2), 281–296.
- Al-Kasani, 'A. al-D. (1986). *Bada'i al-sana'i fi tartib al-shara'i*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, S. al-D. (1996). *Al-Majmu' sharh al-mubadhdhab*. Dar al-Fikr.
- Al-Qardāwī, Y. (1973). *Fiqh al-Zakāt: Dirāsah muqāranah li-aḥkāmihā wa-falsafatibā fi daw' al-Qur'ān wa-al-Sunnah*. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Sanhuri, 'A. al-R. (1954). *Masadir al-Haqq fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah muqaranah fi al-fiqh al-gharbi*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Zarqa, M. A. (1968). *Al-madkhal al-fiqhi al-'am*. Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, W. (2002). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* [Islamic jurisprudence and its proofs] (Vol. 5). Dar al-Fikr.
- Faezy, A., Siti Amirah, A. R., Hairunnizam, W., & Sanep, A. (2017). Cadangan mewujudkan logo pengiktirafan zakat perniagaan: Kajian terhadap usahawan Muslim di Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 10(1), 16–36.
- Furqani, H., Paizin, M., & Hanifa, A. (2025, April 15). Zakat As An Instrument For Social Security System: Justification And Framework. *Indonesian Conference of Zakat - Proceedings*, 287-297.
- Hanapi, M. S. (2014). Agricultural Zakat Accounting in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 5(1)
- Ibn Qudamah, M. al-D. (1997). *Al-Mughni*. Dar 'Alam al-Kutub.
- International Islamic Fiqh Academy. (2000). *Qararat wa-tawsiyyat Majma' al-Fiqh al-Islami*. IIFA Publications.
- Kamali, M. H. (2005). Fiqhi issues in commodity futures. In M. Iqbal & T. Khan (Eds.), *Financial engineering and Islamic contracts*, Islamic Research and Training Institute (IRTI), 20-57.
- Razaly, M. Z., Mustaffa, M. Z., Zakaria, M., Saja @ Mearaj, M., & Sokhibul Fadil, S. A. (2014). Isu dan cabaran zakat perniagaan: Kajian di Negeri Johor. In *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*
- Rosele, M. I., Abdullah, L. H., & Ariffin, M. F. M. (2015). Zakat atas syarikat di Malaysia: Analisis potensi. *Jurnal Intelek*, 10(1), 25–32.